# CADANGAN SKEMA JAWAPAN

## Bahagian A

[15 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan*

1 Rukun Negara merupakan salah satu dasar sosial yang dibentuk oleh Majlis Perundingan Negara setelah berlakunya rusuhan kaum pada tahun 1969.

Terangkan **dua** kesan pembentukan Rukun Negara. [4]

a) Dapat mewujudkan dan mengukuhkan perpaduan kaum - masyarakat Msia yg berbilang kaum akan bersatupadu bagi memajukan negara
b) Dapat memelihara amalan demokrasi - perlembagaan negara menjamin bahawa pentadbiran negara dilaksanakan scr demokrasi iaitu melalui pilihanraya setiap 5 thn sekali
c) Dapat melahirkan sebuah masyarakat yg adil - setiap kaum dilayan sama dlm pelbagai bidang dan tiada kaum yg terpinggir dlm arus kemajuan negara
d) Dapat menjamin sikap liberal terhdp tradisi kebudayaan yg pelbagai - setiap kaum bebas mengamalkan budaya dan kepercayaan yg berbeza
e) Dapat membina masyarakat yg progresif yg akan meggunakan S&T serta mengamalkan nilai-nilai kerohanian

2 Huraikan **dua** bidang yang diberi tumpuan dalam Program Transformasi Ekonomi [4]

a. Bidang minyak gas dan tenaga iaitu Msia mempunyai potensi utk membangunkan sumber tenaga alternatif spt nuklear, solar dan hidro bagi mengatasi penyusutan dlm pengeluaran gas asli domestik
b. Bidang minyak sawit iaitu Msia perlu meningkatkan produktiviti huluan sambil mengguna sepenuh potensi serta peluang hiliran sedia ada bagi mengekalkan pertumbuhan mapan dlm sektor tersebut
c. Bidang perkhidmatan kewangan iaitu kerajaan menyasar utk mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan Msia utk memenuhi perniagaan dan pengguna dlm ekonomi berpendapatan tinggi
d. Bidang pelancongan iaitu bagi meningkatkan sektor tersebut, sektor pelancongan perlu membangun dan menaikkan penawaran dan perkhidmatan serta mempertingkat kesalinghubungan ke pasaran dunia
e. Bidang perkhidmatan perniagaan iaitu menjelang tahun 2020, kerajaan berharap sektor perkhidmatan perniagaan menyumbang lebih kurang 20% kpd KDNK negara dan pekerjaan serta 14% kpd eksport
f. Bidang elektrik dan elektronik iaitu kerajaan menyasar utk memperkukuh keupayaan sektor elektrik dan elektronik Msia
g. Bidang pemborongan dan penciptaan iaitu sektor tersebut akan menjadi pemacu utama penggunaan domestik yg seterusnya akan menerajui pertumbuhan ekonomi Msia (kesemuanya ada 12 bidang)

3 Berikan **tiga** objektif utama Dasar Pensyarikatan Malaysia. [4]

a. Menghapuskan salah faham antara sektor awam dengan sektor swasta
b. Menggalakkan perkongsian dan pertukaran maklumat antara sektor awam dengan sektor swasta
c. Mewujudkan kerjasama yang erat dan berkesan antara sektor awam dengan sektor swasta dalam usaha membangunkan negara untuk faedah bersama

4 Terangkan **dua** dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. [4]

a. Melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan. Semua sekolah menggunakan sistem persekolahan yang sama, bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang sama, kurlkulum yang sama dan peperiksaan yang seragam

b. Melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Panduan pembentukan dan pengekalakan identiti rakyat Msia untuk mengukuhkan perpaduan kaum dengan memeliharakeperibadian bangsa

c. Melalui Dasar Sukan Negara. Memupuk dan mengeratkan perpaduan kaum melalui aktiviti sukan.

**Bahagian B**

**[20 markah]**

*Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.*

**Soalan 5 (Graf Bar Piramid)**

**SEMENANJUNG MALAYSIA: PERANGKAAN PROJEK PERUMAHAN NEGARA YANG SAKIT DAN TERBENGKALAI DI NEGERI-NEGERI TERPILIH PADA TAHUN 2008 HINGGA TAHUN 2010**

| Tahun / Negeri Terpilih | Projek Perumahan Negara Sakit (Unit) | | | Projek Perumahan Negara Terbelangkai (Unit) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | **2008** | **2009** | **2010** | **2008** | **2009** | **2010** |
| Kedah | 1,273 | 1,018 | 1,767 | 1,192 | 2,188 | 1,987 |
| Negeri Sembilan | 1,084 | 1,481 | 2,167 | 998 | 1,815 | 2,572 |
| Pahang | 1,036 | 2,020 | 2,153 | 826 | 1,997 | 2,312 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 1,130 | 2,198 | 2,188 | 1,903 | 2,291 | 1,987 |

(Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Laporan Jabatan Perumahan Negara 2008/2010)



## Soalan 6 (Carta Pai Bertingkat)

SEMENANJUNG MALAYSIA : KELUASAN KAWASAN MENGIKUT JENIS TANAMAN DAN NEGERI –NEGERI TERPILIH DI BAWAH LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN ( FELDA ) PADA TAHUN 2015

| Jenis Tanaman | Keluasan kawasan mengikut jenis tanaman | | |
|---|---|---|---|
| | *Nilai* *( Hektar )* | *Peratus* *(%)* | *Sudut* *(°)* |
| Kelapa Sawit | 470 516 | 57.62 | 207.43 |
| Getah | 288 407 | 35.32 | 127.15 |
| Koko | 25 040 | 3.07 | 11.04 |
| Nanas | 20 352 | 2.49 | 8.97 |
| Kelapa | 12 260 | 1.50 | 5.41 |
| Jumlah | 816 575 | 100.00 | 360.00 |

| Negeri | Keluasan kawasan mengikut negeri-negeri terpilih | | |
|---|---|---|---|
| | *Nilai* *( Hektar )* | *Peratus* *(%)* | *Ketinggian* *( cm )* |
| Pahang | 371 542 | 45.50 | 4.55 |
| Johor | 254 749 | 31.20 | 3.12 |
| Negeri Sembilan | 116 772 | 14.30 | 1.43 |
| Perak | 73 512 | 9.00 | 0.90 |
| Jumlah | 816 575 | 100.00 | 10.00 |

( Disesuaikan daripada *Laporan Tahunan FELDA, 2015* )

SEMENANJUNG MALAYSIA : KELUASAN KAWASAN MENGIKUT JENIS TANAMAN DAN NEGERI –NEGERI TERPILIH DI BAWAH LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN ( FELDA ) PADA TAHUN 2015




JUMLAH : 816 575 Hektar

Skala: 1cm=10%

Petunjuk:

- Kelapa sawit
- Getah
- Koko
- Nanas
- Kelapa
- Negeri-negeri terpilih

( Disesuaikan daripada *Laporan Tahunan FELDA, 2015* )

## Bahagian C

## Soalan 7 :

**Pendahuluan:**

Bagi mengukuhkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, kerajaan telah memperkenalkan ideologi negara dan pelbagai dasar lain.

| Isi/Idea | Huraian |
|---|---|
| **1.Rukun Negara** | -Merupakan ideologi kebangsaan<br>-Menjadi panduan dan pegangan rakyat berbilang kaum<br>Bagi mencapai keharmonian serta perpaduan |
| **2. Dasar Pendidikan Kebangsaan** | -Bahasa Melayu dijadikan bahasa Kebangsaan<br>-Menggunakan kurikulum yang sama |
| **3. Dasar Kebudayaan Kebangsaan** | - Kebudayaan merangkumi agama, kepercayaan, adat resam, bahasa, ekonomi, dan politik<br>-Kebudayaan Melayu dan kaum kaum lain diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan |
| **4.Dasar Ekonomi Baru** | -Bermatlamat untuk membasmi kemuskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat<br>-Penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan diharapkan dapat ditingkatkan |
| **5.Dasar Integrasi Nasional** | -Penyatuan masyarakat merentasi wilayah<br>-Mewujudkan semangat patriotisme dan mengeratkan silaturahim mellui pebagai program |
| **6.Dasar Pembangunan Nasional** | -Menetapkan langkah untuk membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju dari segi keadilan sosial, kecemerlangan ekonomi, kestabilan politik, dan kesejahteraan hidup |
| **7.Dasar Sukan Kebangsaan** | -Sukan merentas kaum dan wilayah<br>--Interaksi sosial yang bermakna |


| Isi/Idea | Huraian |
|---|---|
| **1.Rukun Negara** | -Merupakan ideologi kebangsaan<br>-Menjadi panduan dan pegangan rakyat berbilang kaum<br>Bagi mencapai keharmonian serta perpaduan |
| **2. Dasar Pendidikan Kebangsaan** | -Bahasa Melayu dijadikan bahasa Kebangsaan<br>-Menggunakan kurikulum yang sama |

| | |
|---|---|
| **3. Dasar Kebudayaan Kebangsaan** | - Kebudayaan merangkumi agama, kepercayaan, adat resam, bahasa, ekonomi, dan politik<br><br>-Kebudayaan Melayu dan kaum kaum lain diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan |
| **4.Dasar Ekonomi Baru** | -Bermatlamat untuk membasmi kemuskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat<br><br>-Penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan diharapkan dapat ditingkatkan |
| **5.Dasar Integrasi Nasional** | -Penyatuan masyarakat merentasi wilayah<br><br>-Mewujudkan semangat patriotisme dan mengeratkan silaturahim mellui pebagai program |
| **6.Dasar Pembangunan Nasional** | -Menetapkan langkah untuk membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju dari segi keadilan sosial, kecemerlangan ekonomi, kestabilan politik, dan kesejahteraan hidup |
| **7.Dasar Sukan Kebangsaan** | -Sukan merentas kaum dan wilayah<br><br>--Interaksi sosial yang bermakna |

**Kesimpulan :**

Ideologi negara dan pelbagai dasar lain yang diperkenalkan dapat mengukuhkan negara jika semua pihak bekerjsama dan bersatu padu menjayakannya

**Kombinasi  Idea: (1+4)**

## Soalan 8

**Pendahuluan:**

Perkembangan pesat dalam ICT telah membawa banyak kemajuan dalam bidang pertanian. Walau bagaimanapun, masih ada golongan petani yang tidak menggunakan kemajuan aplikasi ini.

| BIL | Isi/Idea | Huraian |
|---|---|---|
| A<br><br>1. | **Sains dan Teknologi (S&T) membawa Kemajuan dalam Bidang Pertanian:**<br><br>**Penggunaan peralatan pertanian moden** | -Penggunaan jentera pembajaktanah untuk menggantikan penggunaan binatang/haiwan dan alat tradisional.<br>-Alat alat moden lain seperti alat menorah getah, memetik buah atau mengasingkan hasil tanaman amat membantu golongan petani |
| 2 | **Penghasilan baja** | -Baja kimia dan baja organic yang dihasilkan dapat menyuburkan tanah yang kurang subur dan gersang<br>-Baja yang digunakan dapat meningkatkan hasil tanaman dengan banyaknya |
| 3 | **Sistem pengairan dan penyiraman yang sistematik** | -Sistem pengairan dan penyiraman air yang sistematik memudahkan golongan petani<br>-Tanaman akan sentiasa segar setiap masa |
| 4 | **Kawalan biologi serangga perosak** | -Teknik kawalan moden amat membantu golongan petani mengawal tanaman tanpa mencemarkan kawasan pertanian<br>-haiwan tertentu digunakan untuk menghalau haiwan perosak |
| 5 | **Penggunaan bahan kimia** | -Bahan kimia yang digunakan dapat meringankan kerja petani terutama dalam usaha membersih kawasan pertanian<br>-Petani juga menggunakan bahan kimia sebagai racun rumput di smping membunuh serangga perosak |
| 6 | **Teknik moden tanaman** | -Terdapat teknik tertentu dalam bidang pertanian seperti tanaman skala besar iaitu teknik tanaman berteres di kawasan tanah tinggi<br>-Teknik moden hidroponik pula digunakan untuk kawasan yang kurang tanah dan sesuai digunakan untuk tanaman berskala kecil |

| | | |
|---|---|---|
| B<br><br>7 | **Kesukaran golongan petani:**<br><br>**Kekurangan modal** | -Kekurangan modal menyebabkan golongan petani sukar untuk membeli peralatan moden yng mahal dan biji bemih yang berkualiti<br><br>-Kos alatan yang tinggi menyebabkan pihak petani sanggup berhutang dengan institusi kewangan tertentu untuk membeli alat tersebut |
| 8 | **Kekurangan tenaga kerja mahir** | -Kebanyakan golongan petani yang sudah berumur masih aktif.<br><br>-Mereka kurang mahir dalam penggunaan alat moden<br><br>--Petani muda yang mahir dalam penggunaan peralatan moden tidak ramai |
| 9 | **Lebih selesa menggunakan alat tradisional** | -Masih ramai petani menggunakan alat tradisional.<br><br>-Alat ini lebih murah dan mudah dibawa serta senang dikendalikan seperti cangkul dan alatnpembajak tradisional |

**Penutup:**

Penggunaan aplikasi sains dan teknologi membawa pelbagai kebaikan kepada manusia

**(kombinasi idea : 2+3/ 3+2)**